



**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
YANG BERBAHAGIA DATUK DR. CHING TOO A/L KIM
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**

**DISAMPAIKAN OLEH
YANG BERUSAHA PUAN NORSHAM BINTI ABDUL LATIP
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (SUMBER ASLI)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**

**BERSEMPENA
SESI DIALOG PASCA PERSIDANGAN PARTI-PARTI KE-16 KEPADA
KONVENSYEN KEPELBAGAIAN BIOLOGI (CBD COP16)**

**11 DISEMBER 2024 (RABU)
8.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI
FOUR POINTS BY SHERATON KUALA LUMPUR**

Terima Kasih Saudari Pengacara Majlis

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

[SALUTASI]

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi

Wakil-wakil Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pihak swasta dan badan bukan kerajaan,

Yang Berbahagia Datuk/ Dato'/ Dato' Dr/ Tuan/ Puan yang dihormati sekalian

1. Pertamanya, saya ingin menyampaikan salam daripada Yang Berbahagia Datuk Dr. Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam yang tidak dapat hadir ke sesi pada hari ini atas urusan rasmi yang tidak dapat dielakkan dan beliau telah mewakilkan saya untuk membacakan teks ucapan beliau.
2. Saya mengalu-alukan kehadiran semua hadirin mewakili pelbagai peringkat sama ada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak swasta, institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan dan badan bukan kerajaan ke Sesi Dialog Pasca Persidangan Parti-Parti Ke-16 Kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD COP16) pada hari ini.
3. Kehadiran lebih 150 orang peserta pada hari ini jelas menunjukkan komitmen yang tinggi dalam agenda pemuliharaan biodiversiti negara dan global. Saya mengucapkan terima kasih kepada penganjur iaitu

Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan dan *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) sebagai agensi pelaksana.

4. Sesi ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada pemegang-pemegang taruh utama berkaitan pengurusan biodiversiti di Malaysia berkenaan hasil dan keputusan-keputusan penting CBD COP16 selain membincangkan hala tuju ke hadapan serta tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan susulan daripada CBD COP16.

Penglibatan Malaysia di CBD COP16

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Malaysia merupakan negara parti kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (*Convention on Biological Diversity - CBD*) sejak tahun 1994. CBD merupakan sebuah perjanjian pelbagai hala berhubung alam sekitar (*multilateral environmental agreement - MEA*) yang dianggotai oleh 196 negara ahli dan mempunyai 3 matlamat utama iaitu pemuliharaan biodiversiti, penggunaan komponennya secara mampan, dan perkongsian faedah daripada sumber genetik yang adil dan saksama.

6. Sebagai negara parti, Malaysia bersama-sama negara parti yang lain akan bersidang setiap 2 tahun di Persidangan Parti-parti (*Conference of Parties - COP*) bagi CBD bagi merundingkan pelan, matlamat dan sasaran konservasi biodiversiti di peringkat antarabangsa. Selain itu, CBD COP berperanan dalam menetapkan hala tuju pengurusan biodiversiti untuk dilaksanakan oleh setiap negara ahli.

7. Dalam hubungan ini, delegasi Malaysia yang diketuai oleh YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam telah menghadiri CBD COP16 bermula pada 21 Oktober hingga 1 November 2024 di Cali, Colombia. CBD COP16 diadakan bersekali dengan *The Eleventh Meeting of the Conference of the Parties serving as the Meeting of the Parties (MOP) to the Cartagena Protocol on Biosafety (CP-MOP-11)* dan *The Fifth MOP to the Nagoya Protocol on Access to Genetic Resources and the Fair and Equitable Sharing of the Benefits Arising from their Utilization (NP-MOP-5)*.

8. Saya dimaklumkan bahawa delegasi Malaysia telah terlibat secara aktif dalam memastikan pendirian negara dicapai semasa proses rundingan yang melibatkan agenda-agenda yang menjadi keutamaan Malaysia seperti *digital sequence information on genetic resources (DSI)*; mekanisme perancangan, pemantauan, pelaporan dan semakan semula; mobilisasi sumber dan mekanisme kewangan; pelaksanaan Artikel 8(j) mengenai pengetahuan tradisi, inovasi dan amalan serta hal-hal berkaitan; keperluan saintifik dan teknikal untuk pelaksanaan Kunming-Montreal *Global Biodiversity Framework (KMGBF)*; pengarusperdanaan biodiversiti merentasi pelbagai sektor; pengurusan hidupan liar yang mampan; spesies asing invasif; biodiversiti dan kesihatan; biologi sintetik; serta biodiversiti dan perubahan iklim.

Pencapaian Malaysia di CBD COP16

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Malaysia telah menunjukkan reputasi yang sangat baik semasa CBD COP16 apabila diumumkan sebagai antara negara pertama yang

mengintegrasikan KMGBF ke dalam Pelan Tindakan dan Strategi Biodiversiti Kebangsaan (NBSAP) melalui Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Kebangsaan (DKBK) 2022-2030. Malaysia juga telah menerima Anugerah Emas serta menduduki tempat pertama bagi Anugerah *National Clearing-House Mechanism* (CHM).

10. Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), TYT Antonio Guterres semasa ucapan pembukaan CBD COP16 juga telah mengiktiraf usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Malaysia dalam melipatgandakan usaha mengekang kegiatan penyah hutan (*deforestation*).

Hasil CBD COP16

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Hasil daripada rundingan CBD COP16, negara-negara parti telah bersetuju dengan beberapa keputusan termasuk antaranya menerima pakai perkara-perkara berikut:

- (i) modaliti pengoperasian mekanisme multilateral DSI termasuk dana global yang dikenali sebagai '*Cali Fund*' bagi tujuan perkongsian faedah secara adil dan saksama daripada DSI;
- (ii) melaksanakan *Programme of Work on Article 8(j) and other provisions of the Convention related to IPLCs* yang baharu bagi memastikan sumbangan masyarakat pribumi dan

tempatan (*indigenous people and local communities* - IPLCs) secara bermakna dalam pelaksanaan KMGBF; dan

- (iii) mengiktiraf keperluan untuk penyertaan penuh dan berkesan IPLCs melalui badan subsidiari tetap (*permanent subsidiary body*) bagi Artikel 8(j).

12. Sesi selepas ini akan memperincikan hasil CBD COP16 serta membincangkan tindakan-tindakan susulan yang perlu dilaksanakan.

Kesimpulan dan Strategi Ke Hadapan

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Masih terdapat banyak agenda penting seperti mekanisme perancangan, pemantauan, pelaporan dan semakan semula; mobilisasi sumber dan mekanisme kewangan yang belum dimuktamadkan. Mesyuarat dijadualkan bersambung pada 25 hingga 27 Februari 2025 di Rome, Italy.

14. Hasil dan keputusan yang telah dicapai semasa CBD COP16 di Cali, Colombia perlu diselaraskan dengan dasar semasa dan diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang berkesan di peringkat kebangsaan. Untuk tujuan tersebut, saya menyeru supaya usaha-usaha dipertingkatkan dengan kerjasama strategik antara kerajaan dan semua pihak memandangkan agenda memelihara dan memulihara kepelbagaian biologi memerlukan pendekatan senegara dan keseluruhan masyarakat (*whole-of-nation and whole-of-society*).

Penutup

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan aluan ini, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua hadirin dan penganjur. Saya berharap sesi libat urus ini akan mengukuhkan pengarusperdanaan biodiversiti merentas sektor dan melibatkan segenap lapisan masyarakat.

16. Akhir kata, biodiversiti merupakan khazanah negara yang sangat berharga dan memuliharanya adalah tanggungjawab kita bersama. Berbekalkan komitmen dan iltizam yang tinggi, saya yakin kita dapat menjalankan amanah bagi memulihara khazanah biodiversiti kita demi kesejahteraan generasi masa kini dan masa depan. **Biodiversiti adalah Kehidupan Kita, Warisan Kita dan Masa Depan Kita.**

Sekian, terima kasih.

**Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Putrajaya
11 Disember 2024**